



**PERUTUSAN  
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.3/2024  
PADA 27 MAC 2024 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

Salam Malaysia Madani

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha Majlis, Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pengamal media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
  
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
  - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
  - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
  - III. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng;
  - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
  - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;

- VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
- VII. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang
- VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan Al-Mubarak1445H/2024M kepada seluruh warga bandar raya Seremban. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud, “Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kalian berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kalian agar kalian bertaqwa”. Saya mendoakan agar kita semua

dianugerahkan kesihatan dan kesejahteraan diri untuk menjalani ibadah ini hingga ke akhirnya.

## **PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)**

5. Akhbar cetak Berita Harian bertarikh 11 Mac 2024 menunjukkan kajian bahawa sebahagian besar Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang dibangunkan lebih 20 tahun lalu didapati tidak lagi berada dalam kondisi yang baik dan dikhuatiri memberi kesan buruk kepada kualiti hidup penduduk. Selain ruang terhad dan sempit, terdapat juga rumah PPR jenis bertingkat yang *standard* pembinaannya rendah serta tiada amalan penyelenggaraan berkala. Ia adalah dapatan daripada kajian Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) bertajuk “Menyesuaikan PPR Supaya Mesra Warga Emas” yang diterbitkan pada 7 Februari lalu.
  
6. Perumahan kos rendah yang diperkenalkan sekitar tahun 2000 perlu ditambah baik terutama untuk lebih mesra warga emas memandangkan sudah melebihi kemampuan untuk menyediakan kemudahan dan kehidupan kondusif kepada penghuni. PPR yang dibangunkan kerajaan tempatan sebagai penempatan semula bagi golongan setinggan dan

kurang berkemampuan dilihat mula tidak selari dengan Dasar Warga Emas Negara memandangkan Malaysia dijangka menjadi negara tua pada 2030 apabila penduduk berusia 60 tahun ke atas mencecah 15 peratus daripada jumlah populasi.

7. Sehubungan dengan itu, saya meminta Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Majlis Bandaraya Seremban dan Unit COB melihat semula reka bentuk dan keperluan pembangunan di dalam kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban supaya penempatan mereka memenuhi ciri-ciri keperluan pada masa akan datang.

*Sumber : Berita Harian 11 Mac 2024*

8. Pelbagai kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan telah dilaksanakan oleh pihak Majlis Bandaraya Seremban di Pangsapuri Rakyat Seri Perdana Paroi (PPR Paroi) dan Rumah Pangsa Kos Rendah Lobak (PPRT Lobak) dari semasa ke semasa. Pihak Kerajaan telah membelanjakan wang bagi maksud ini lebih kurang sebanyak RM6.4 juta. Antara kerja-kerja yang dilaksanakan adalah seperti membaikpulih anak tangga, besi pemegang di tangga, laluan khas kerusi roda, menurap jalan dan baik pulih tempat letak

kereta, mengganti bumbung, mengecat bangunan dan lain-lain lagi.

9. Pembaikan ini sudah tentu memberi kemudahan dan keselesaan kepada warga emas yang tinggal di sana. Sebagai perancangan, bagi memenuhi keperluan warga emas berkenaan, pihak Majlis Bandaraya Seremban akan cuba melaksanakan pemasangan pemegang besi (*handrail*) di dalam tandas untuk memudahkan urusan mereka.
10. Selain daripada itu, Majlis Bandaraya Seremban juga memberi keutamaan kepada warga emas yang mempunyai masalah kesihatan terutamanya yang berkerusi roda untuk tinggal di rumah yang lebih rendah atau di aras tanah (tertakluk kepada kekosongan). Dewan orang ramai yang sedia ada akan digunakan sebagai ruang komuniti untuk aktiviti sosial dan rekreasi yang sesuai untuk warga emas. Majlis juga telah bersetuju menyerahkan pengurusan dewan orang ramai ini kepada pihak Kawasan Rukun Tetangga (KRT) bagi menyusun dan melaksanakan pelbagai program yang bermanfaat antaranya aktiviti senaman ringan, ruang bacaan, program kesihatan, seni, pendidikan dan lain-lain.

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. Majlis Bandaraya Seremban dan warga bandar raya Seremban tidak dapat dipisahkan. Sehubungan dengan itu, saya meminta Ketua Jabatan dan Ketua Unit memperbanyakkan lagi program-program berbentuk kemasyarakatan agar kumpulan sasaran tidak ditinggirkan. Saya juga meminta bantuan daripada Ahli-Ahli Majlis untuk membantu menyampaikan maklumat-maklumat dan dasar-dasar baharu Majlis Bandaraya Seremban kepada penduduk dalam kawasan Zon Seliaan masing-masing supaya mereka mempunyai maklumat untuk mendapatkan perkhidmatan Majlis Bandaraya Seremban.
12. Program *Zero To Hero* bagi menyantuni warga bandar raya seperti bantuan kepada Asnaf, rumah kebajikan anak-anak yatim, program gotong-royong memasak bubur lambuk di dalam kawasan Zon atau Blok Perancangan perlu diadakan secara berkala bagi memastikan golongan sasaran ini rasa Majlis Bandaraya Seremban lebih dekat dengan mereka.

*Sumber : Unit Komunikasi Korporat*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **SEJATI MADANI**

13. Program SejaTI MADANI merupakan inisiatif baharu Kerajaan MADANI yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri ketika pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan (2024) di Dewan Rakyat pada 13 Oktober 2023 bertujuan untuk merancakkan aktiviti ekonomi di peringkat komuniti bagi meningkatkan pendapatan dengan pemberian dana sehingga RM100 ribu kepada komuniti yang layak. Peruntukan sebanyak RM1 bilion telah disediakan oleh ICU Jabatan Perdana Menteri telah diberikan tanggungjawab untuk menyelia dan menyelaraskan pelaksanaan program ini.
14. Objektif program ini adalah untuk memperkasakan aktiviti ekonomi dan meningkatkan pendapatan setempat serta memberi manfaat kepada seluruh komuniti menerusi pelaksanaan program yang bersesuaian dengan keperluan sebenar masyarakat. Terdapat 5 sektor tumpuan yang telah ditetapkan iaitu :-

- i. Pertanian Dan Makanan ;
- ii. Jahitan Dan Kraf Tangan ;
- iii. Herba Dan Kesihatan ;
- iv. Pelancongan Dan Hospitaliti ; dan
- v. Aktiviti Hijau Dan Kitar Semula

15. Komuniti boleh memilih untuk melaksanakan satu atau lebih program dalam sektor tumpuan yang telah ditetapkan dengan syarat tidak melebihi nilai geran yang ditawarkan dalam satu permohonan. Permohonan boleh dibuat oleh mana-mana wakil yang terdiri daripada kalangan ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) / Komuniti Kampung yang telah diberikan kuasa atau wakil yang dilantik oleh Tuai Rumah / Tok Batin. Permohonan dibuat secara atas talian melalui Sistem SejaTi MADANI mulai 25 Mac hingga 30 September 2024. Saya meminta Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan untuk memohon peruntukan ini di bawah Kategori Pelancongan Dan Hospitaliti serta Jahitan Dan Kraftangan. Manakala Jabatan Perancangan Pembangunan bagi aktiviti Kategori Hijau dan juga Jabatan Kesihatan Persekitaran untuk aktiviti Kitar Semula.



Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan  
sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN KEWANGAN**

16. Sehingga 24 Mac 2024, prestasi kutipan Cukai Taksiran  
Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut :-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2024 (RM63.14Juta)

Prestasi = RM55.67Juta (74.95%)

(b) Sasaran 30% Kutipan Tunggakan (RM26.02Juta)

Prestasi = RM6.212Juta (7.16%)

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM145.5Juta)

Prestasi = RM66.80Juta (45.91%)

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM223.56Juta)

Prestasi = RM85.70Juta (38.33%)

(e) Belanja Mengurus (RM220.16Juta)

Prestasi = RM37.60Juta (17.08%)

(f) Belanja Pembangunan (RM14.40Juta)

Prestasi = RM2.41Juta (16.75%)

17. Majlis Bandaraya Seremban sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang lebih komprehensif, inovatif dan inklusif bagi memenuhi aspirasi warga Bandar Raya Seremban yang sentiasa mahukan perubahan.

*Sumber : Jabatan Kewangan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

18. Bermula 1 Januari 2024 sehingga 29 Februari 2024, Majlis Bandaraya Seremban telah menjalankan aktiviti kawalan iaitu :-

- i. *fogging* 14,841 premis ;
- ii. ULV 27,351 premis ;
- iii. *larvaciding* 87 lokaliti ;
- iv. *source reduction* 87 lokaliti ;
- v. gotong-royong ke atas 24 taman ;

19. Sehingga 29 Januari 2024, Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2 mencatatkan sebanyak 39 pengebumian melibatkan 38 jenazah warganegara dan 1 jenazah bukan warganegara.
  
20. Manakala Tanah Perkuburan Islam Ainsdale telah mencatatkan sebanyak 14 pengebumian melibatkan 14 jenazah warganegara. Bagi Tanah Perkuburan Kristian Sendayan pula telah merekodkan sebanyak 2 pengebumian warganegara. Bagi Tanah Perkuburan Islam Nilai masih TIADA jenazah dikebumikan di tanah perkuburan tersebut. Saya meminta kawasan tanah perkuburan sentiasa diselenggara dengan baik dan memastikan kemudahan infrastruktur berada dalam keadaan baik.

*Sumber : Jabatan Kesihatan Persekutaran*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan  
sekalian,

## **PELAPORAN UNIT INTEGRITI**

21. Majlis Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan telah mengedarkan surat hebahan Peringatan “Dasar Tidak Menerima Hadiah” kepada seluruh jabatan dan agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Ini menunjukkan bahawa pihak Pentadbiran Kerajaan Negeri amat tegas dalam memerangi gejala rasuah yang berleluasa. Ketua Jabatan, pegawai dan kakitangan Majlis Bandaraya Seremban adalah **DILARANG** sama sekali menerima atau memberi hadiah jika ianya melibatkan tugas rasminya. Peraturan mengenai pengurusan penerimaan atau pemberian hadiah di bawah peraturan 8 dan 9 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].

22. Pemberi dan penerima mempunyai hubungan rasmi, pemberian hadiah akan mempengaruhi keputusan yang dibuat nilai hadiah tidak setimpal dengan maksud hadiah yang diberi. Saya juga ingin mengingatkan kepada semua Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua Unit agar mengelakkan konflik kepentingan peribadi dan tugas.

23. Konflik kepentingan ini terjadi apabila seseorang pegawai atau kakitangan membelakangi kewajibannya kepada Majlis Bandaraya Seremban demi kepentingan peribadinya. Seseorang yang berintegriti haruslah mempunyai kejujuran, ketelusan, keikhlasan dan amanah dalam menjalankan tugas. Sabda Rasulullah SAW :

“Sesungguhnya Allah SWT Mencintai Seorang Hamba Yang Apabila Dia Bekerja, Dia Menyempurnakan Pekerjaannya”.

24. Isu kebocoran maklumat mengenai aduan awam sejak kebelakangan ini menjadi masalah yang serius dan perlu diberi perhatian. Unit Integriti MBS telah menerima beberapa aduan daripada orang awam berkenaan kebocoran maklumat dan aduan awam yang dibuat melalui

SISPAA MBS, adalah menjadi satu kesalahan yang amat besar apabila amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kita boleh tersebar dengan begitu mudah dan mengakibatkan pengadu hilang kepercayaan terhadap Majlis Bandaraya Seremban. Saya menyeru kepada semua agar mengawal ketirisan maklumat demi menjamin kelestarian organisasi Majlis Bandaraya Seremban.

*Sumber : Unit Integriti*

## **PROGRAM PENDIDIKAN DAN PEMERKASAAN KOMUNITI TAHUN 2024 BAGI UNIT COB MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

25. Seminar Pengurusan Strata : Pengiraan Unit Syer, Caj Penyenggaraan dan Kumpulan Wang Penjelas (*Sinking Fund*), Tatacara Kutipan Caj Penyenggaraan Serta Tunggakan Caj dan Pengenalan Kepada Meter Pukul dalam kawasan Strata di bawah Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban telah diadakan pada 7 Mac 2024, di Bilik Waris Klana di Hulu, Wisma MBS. Kumpulan sasaran adalah

Pemaju, JMB dan MC di bawah Pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban. Seramai 70 orang peserta telah hadir mengikuti seminar ini dan majlis perasmian telah disempurnakan oleh TPr. Tuan Haji Nazri bin A.Ghani, Pengarah Perancangan Pembangunan Majlis Bandaraya Seremban.

26. Majlis Bandaraya Seremban telah menjemput En. Mohd Fauzie bin Mohd Sani, Ketua Unit Agensi Perakuan (SAINS) untuk memberi ceramah berkenaan Pengenalan Kepada Meter Pukul Dalam Kawasan Strata Di Bawah Pentadbiran Majlis dan Unit COB Majlis Bandaraya Seremban turut menyampaikan ceramah berkenaan Pengiraan Unit Syer, Caj Penyenggaraan dan Kumpulan Wang Penjelas (*sinking fund*) serta Tatacara Kutipan Caj Penyenggaraan dan Tunggakan Kutipan Caj.

*Sumber : Unit COB*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN**

27. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Kursus Pemantapan Organisasi Bagi Pegawai Kumpulan B Siri 1/2024 pada 23 hingga 25 Februari 2024 bertempat di Cherengin Hills, Kg. Janda Baik, Pahang. Kursus ini adalah bertujuan untuk membina hubungan baik dan berinteraksi serta bekerja secara efektif untuk mencapai objektif yang sama. Selain itu, kursus ini juga dapat mewujudkan sikap bertanggungjawab dalam membentuk kepimpinan bagi membuat keputusan dan mencetus idea untuk penambahbaikan pengurusan Majlis Bandaraya Seremban. Kursus ini melibatkan seramai 52 orang pegawai kumpulan B termasuk 6 orang urusetia. Saya meminta kursus seperti ini disebarluas kepada pelbagai skim perkhidmatan yang lain supaya objektif yang ditetapkan dapat dicapai.

*Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan*



## **KURSUS *TEAM BUILDING***

28. Majlis Bandaraya Seremban juga telah mengadakan Kursus *Team Building* Semangat Kerja Berpasukan di Lembah Pangsun, Hulu Langat, Selangor. Kursus yang diadakan pada 4 hingga 6 Mac 2024 adalah bertujuan untuk mengenalpasti potensi, kelebihan dan kelemahan diri serta kesan dalam kerja berpasukan. Penganjuran kursus ini adalah untuk membentuk sikap bekerjasama bekerja dalam satu pasukan, mengeratkan silaturahim antara warga kerja Majlis Bandaraya Seremban dan memahami serta menghormati peranan setiap warga kerja MBS. Kursus ini melibatkan 45 orang warga kerja Majlis Bandaraya Seremban terdiri daripada kumpulan C dan D termasuk 3 orang urusetia.

*Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan*

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

## **LAWATAN KERJA KE ARKIB NEGARA MALAYSIA**

29. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Lawatan Kerja Ke Arkib Negara Malaysia pada 1 Mac 2024 bagi mendapatkan khidmat nasihat berkaitan pembangunan klasifikasi fail yang perlu dipatuhi untuk mendapatkan perakuan daripada Arkib Negara. Seramai 14 orang Pegawai Majlis Bandaraya Seremban telah terlibat dalam lawatan tersebut bagi mempelajari "*Digital Document Management System (DDMS)*". Saya berharap dalam masa terdekat Majlis Bandaraya Seremban mempunyai satu sistem yang lebih teratur seiring dengan teknologi pada masa kini.

*Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan*

**SESI PENYERAHAN SURAT KENAIKAN PANGKAT, PENGISIAN JAWATAN, PEMANGKUAN, KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME BASED* (TBK 1) DAN (TBK 2) SERTA SESI LAPOR DIRI DAN BACAAN IKRAR BAGI PEGAWAI LANTIKAN KONTRAK KE TETAP, PEGAWAI DAN KAKITANGAN BAHARU**

30. Pada 6 Mac 2024, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Sesi Penyerahan Surat Kenaikan Pangkat, Pengisian Jawatan, Pemangkuan, Kenaikan Pangkat Secara *Time Based* (TBK 1) Dan (TBK 2) Serta Sesi Laporan Diri Dan Bacaan Ikrar Bagi Pegawai Lantikan Kontrak Ke Tetap, Pegawai Dan Kakitangan Baharu. Kenaikan pangkat merupakan satu pengiktirafan terhadap keupayaan pegawai melaksanakan tugas dengan cemerlang setelah mengambil kira kualiti pegawai yang merangkumi kepimpinan, personaliti, tata kelakuan dan peribadi warga kerja Majlis Bandaraya Seremban. Selain itu, prestasi semasa pemangkuan dijadikan asas utama oleh Lembaga Kenaikan Pangkat dalam mempertimbangkan kenaikan pangkat seseorang pegawai.

*Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan*

## **MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**

31. Setiap tahun Majlis Bandaraya Seremban tidak pernah terlepas mengadakan Majlis penghargaan dan pengiktirafan kepada warga kerja Majlis Bandaraya Seremban yang telah menunjukkan prestasi dan sumbangan yang baik sepanjang berkhidmat. Sehubungan dengan itu, pada 6 Mac 2024, Majlis Anugerah Pekhidmatan Cemerlang (APC) telah diadakan bagi meraikan 100 orang kakitangan Majlis terdiri daripada pelbagai jawatan dan jabatan telah diadakan di Ruang Dato' Dagang Paroi. Antara kriteria pemilihan APC adalah :-

- i. Pegawai yang diperakukan hendaklah sekurang-kurangnya 3 tahun dari tahun terakhir menerima anugerah ini ;
- ii. Tempoh perkhidmatan dan jumlah atau kekerapan menerima APC ;
- iii. Telah genap 3 tahun berkhidmat pada tahun pretasinya dinilai ; dan
- iv. Mengutamakan pegawai atau kakitangan yang akan bersara.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada penerima yang telah terpilih dalam sesi tempoh hari. Saya berharap penerima akan menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang dan memberi komitmen yang tinggi supaya dapat memberi contoh kepada warga kerja Majlis Bandaraya Seremban yang lain terpilih dalam sesi akan datang.

*Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan*

## **PELAPORAN      JABATAN      PELESENAN      DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN**

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

32. Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan lawatan tapak ke Tanah Rezab Bukit Emas turut dihadiri oleh YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, Ahli Dewan Undang Negeri Seremban Jaya, Puan Jamilah bt Said Ali Ahli Majlis MBS dan pegawai MBS untuk membangunkan rezab Majlis sebagai Gerai Majlis Bandaraya Seremban. Majlis akan membuka iklan tawaran kepada peniaga yang berminat untuk mengisi kekosongan gerai. Saya juga meminta

pembersihan gerai-gerai Majlis juga dipertingkatkan bagi memastikan persekitaran bandar raya Seremban sentiasa berada dalam keadaan baik. Selain itu saya juga meminta jabatan lebih kerap turun padang bagi memastikan gerai Majlis diisi dan tidak dibiarkan kosong atau diisi oleh warga asing.

33. Sementara itu, Bazar Aidilfitri kini giat diadakan di sekitar Seremban. Oleh yang demikian dipohon Jabatan untuk memantau perjalanan Bazar Aidilfitri mematuhi peraturan sedia ada serta memastikan Bazar Aidilfitri tutup pada malam terakhir Ramadan tepat jam 3 pagi bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan dilaksanakan dengan lancar sebelum menjelang pagi Aidilfitri. Selain itu, khemah-khemah peniaga yang telah dipasang wajib dibuka selepas 3 hari sambutan Aidilfitri.

*Sumber : Jabatan Pelesenan Dan Pembangunan Usahawan*

## **KURSUS PEMBINAAN LANDSKAP DAN PEMBINAAN PADANG PERMAINAN CE14 DAN B09**

34. Jabatan Taman & Landskap telah bekerjasama dengan CIDB Negeri Sembilan untuk mengadakan Kursus Pembinaan Landskap dan Pembinaan Padang Permainan CE14 dan B09 pada 4 Mac hingga 8 Mac 2024 bertempat di CIDB Negeri Sembilan telah melibatkan 24 orang peserta. Objektif utama kursus ini diadakan adalah untuk membantu kontraktor dalam Negeri Sembilan bagi meningkatkan kemahiran dan pengkhususan kerja dalam bidang landskap, melahirkan kontraktor yang mahir dalam bidang landskap serta menambah bilangan pretender dalam kerja-kerja bidang landskap. Sehubungan itu, saya meminta jabatan sentiasa mengemaskini landskap di sekitar bandar raya Seremban dan memantau kerja-kerja yang dilakukan oleh kontraktor supaya pokok-pokok dalam kawasan Majlis diselenggara dengan baik.

*Sumber : Jab. Taman & Landskap*

**SESI TAKLIMAT LAWATAN AKADEMIK KE MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN, KULLIYAH SENIBINA DAN REKABENTUK ALAM SEKITAR (KAED) UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM) BAGI KAJIAN PELAN INDUK LANDSKAP KAWASAN BANDARAYA SEREMBAN, N.SEMBILAN DARUL KHUSUS**

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

35. Pada 8 Mac 2024 pula, Majlis Bandaraya Seremban telah menerima Lawatan Akademik daripada Kulliyah Senibina dan Rekabentuk Alam Sekitar daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Bagi Kajian Pelan Induk Landskap Kawasan Bandaraya Seremban. Objektif lawatan ini adalah sebagai sesi perkongsian data dan ilmu kepada pelajar Senibina Landskap UIA berkaitan Perancangan Bandar Seremban dan Kajian Pelan Induk Landskap Kawasan Bandaraya Seremban.

*Sumber : Jab. Taman & Landskap*



## **LAWATAN KERJA KE MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR**

36. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Hulu Selangor pada 15 Februari 2024 bertujuan untuk mempelajari kaedah yang digunapakai untuk menentukan Cukai Taksiran bagi harta jenis Inap Desa atau Premis Pelancongan Desa. Berikutan penyediaan Garis panduan Perancangan Pembangunan Premis Pelancongan Desa (GP4PD) bagi 40 buah premis pelancongan desa yang aktif menjalankan aktiviti terdapat di dalam kawasan Daerah Seremban, jabatan telah mengadakan lawat dan ukur periksa ke atas premis-premis tersebut.
  
37. Tujuan lawat dan ukur periksa adalah untuk mendapatkan maklumat pemilik, maklumat harta dan butiran aktiviti premis pelancongan desa yang dilaksanakan. Hasil maklumat tersebut akan dianalisis bagi menetapkan jumlah Cukai Taksiran yang bersesuaian.

38. Majlis Perbandaran Hulu Selangor adalah antara perintis kepada nilai Premis Pelancongan kerana mempunyai lebih daripada 60 premis yang menjalankan aktiviti inap desa dan aktiviti pelancongan. Lawatan tersebut telah memberi gambaran sebenar dan tatacara bagi menentukan membuat nilai yang munasabah dan berpatutan. Jabatan dalam proses untuk menentukan nilai yang seimbang dan munasabah kepada premis-premis tersebut dan akan mengeluarkan pemakluman kepada pemilik premis sebelum Cukai Taksiran dikuatkuasakan.

*Sumber : Jab. Penilaian dan Pengurusan Harta*

## **KLINIK PREMIS PELANCONGAN DESA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN TAHUN 2024**

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

39. Pada 28 Februari 2024, Majlis Bandaraya Seremban melalui Unit Pusat Setempat (OSC) telah menganjurkan Klinik Premis Pelancongan Desa bagi menyokong Draf Garis Panduan Perancangan Pembangunan Premis Pelancongan Desa (GP4PD) yang telah disediakan oleh Jabatan

Perancangan Pembangunan MBS sebagai panduan untuk membantu pihak Majlis, Perunding dan Pemaju dalam membangun, mengawal dan menentukan kesesuaian lokasi tapak serta kemudahan-kemudahan sokongan bagi pemajuan Premis Pelancongan Desa.

40. Program yang bertujuan berkongsi khidmat nasihat dari aspek teknikal dan keperluan-keperluan dalam mengemukakan permohonan pelan pemajuan telah dihadiri oleh seramai 60 orang peserta terdiri daripada pengusaha premis pelancongan, Jabatan Teknikal MBS dan Agensi Teknikal Luaran dari peringkat negeri dan daerah.
41. Selain itu, perkongsian yang disampaikan oleh Puan Nurushama bt Abdul Hanan, Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Pakej dari Tourism Malaysia juga membantu para peserta untuk lebih mengenali produk-produk pelancongan seperti aktiviti, destinasi dan promosi melalui pembentangan bertajuk "*The Current Updates of Tourism Products in Malaysia*".

42. Majlis Bandaraya Seremban juga sedang dalam proses pengawalan bagi pemutihan premis sektor pelancongan desa. Pihak Majlis dan Agensi Teknikal juga telah mengenalpasti beberapa isu-isu dalam sesi lawatan tapak sebelum ini serta memastikan pembangunan adalah selaras dengan peruntukan dasar dan perundangan seperti :

- i. Lokasi aktiviti kerja tanah tanpa kelulusan ;
- ii. Struktur pembinaan premis tidak selamat ;
- iii. Kekangan mempromosikan produk pelancongan desa ;
- iv. Bantuan dan insentif pelancongan ; dan
- v. Ketidalcukupan kemudahan asas dan infrastruktur.

43. Saya berharap Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dapat membantu pemilik premis dalam mendapatkan kelulusan atau permit yang membolehkan aktiviti ini dapat dipromosikan di peringkat antarabangsa.

*Sumber : Unit OSC*

**PROGRAM *MYSKILLS* ANJURAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN BERSAMA GIATMARA NEGERI SEMBILAN TAHUN 2024**

44. Pada 27 Februari–28 Februari 2024, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan Majlis Bandaraya Seremban telah menganjurkan Program *Myskills* Anjuran Majlis Bandaraya Seremban Bersama GIATMARA Negeri Sembilan Tahun 2024 di Dewan Majlis Bandaraya Seremban. Tuan Mas Midyawan bin Yahya, Setiausaha MBS telah mewakili saya untuk merasmikan Majlis Perasmian Penutup Program *Myskills* Anjuran Majlis Bandaraya Seremban bersama GIATMARA Negeri Sembilan Tahun 2024. Manakala, En. Chong Say Hoo, Ahli Majlis MBS pula telah hadir untuk penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta kursus.
45. Pihak-pihak yang turut hadir di dalam majlis tersebut adalah Ahli-Ahli Majlis MBS, YBhg. Datuk Musa bin Haji Syeikh Fadzir, Pengerusi GIATMARA Malaysia, Ts. Ahmad Hamdi bin Haji Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif GIATMARA Malaysia, En. Suhaini Hazli bin Abu Bakar, Pengarah GIATMARA Negeri Sembilan, Ketua-ketua Jabatan dan

Ketua-ketua Unit MBS, Tenaga Pengajar GIATMARA, dan wakil-wakil GIATMARA Negeri Sembilan.

46. Kursus ini telah dihadiri seramai 80 orang peserta yang terdiri daripada masyarakat di dalam dan luar daerah Seremban. Objektif pelaksanaan kursus ini adalah untuk membantu masyarakat dalam mendaya upaya kemahiran diri dan seterusnya menjana pendapatan melalui kemahiran latihan / kursus yang diberikan terutamanya kepada golongan B40 untuk mendepani arus yang mencabar dalam kehidupan hari ini. Semua latihan / kursus ditanggung sepenuhnya oleh MBS untuk memastikan masyarakat di daerah Seremban mendapat manfaat yang sebaiknya serta mampu melahirkan ramai lagi usahawan-usahawan di daerah ini.
47. Sebanyak 5 latihan / kursus telah disediakan iaitu:-
- i) Kursus Asas Pendawaian Elektrik (Pendawaian + *Extension*)
  - ii) Kursus Penyediaan Kek & Roti
  - iii) Kursus Penyediaan Teknik Asas Memasak *Western Food*

- iv) Kursus Asas Penyelenggaraan & Membaikpulih Telefon Bimbit
- v) Kursus Asas Tatarias Muka (*Make-Up*)

*Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan*

## **MAJLIS BACAAN YASSIN SEMPENA ULANG TAHUN KEEMPAT MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

- 48. Pada 07 Mac 2024, Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS telah mengadakan Majlis Bacaan Yassin Sempena Ulang Tahun Keempat Majlis Bandaraya Seremban di Masjid Al-Hidayah, Taman Angsamias. Saya telah hadir untuk Majlis Bacaan Yassin tersebut bersama-sama dengan Encik Hamdan bin Md Nor, Ahli Majlis MBS, Ketua-ketua Jabatan MBS, Ketua-ketua Unit, dan warga kerja MBS.
- 49. Selain daripada dapat mengimarahkan masjid-masjid di sekitar daerah Seremban, ianya juga dapat menjaga hubungan baik di antara Majlis Bandaraya Seremban dan kariah-kariah yang terlibat dalam membincangkan berkenaan hal-hal yang berkaitan di kawasan kariah.

## **KURSUS PEMBANGUNAN *COMMUNITY BASE TOURISM* (PEMETAAN BUDAYA) DUN LENGGENG DAERAH SEREMBAN 2024**

50. Pada 20 Februari–21 Februari 2024, Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan telah menganjurkan Kursus Pembangunan *Community Base Tourism* (Pemetaan Budaya) Dun Lenggeng Daerah Seremban 2024 di Dewan Mahkota *Hills* Club House, Lenggeng. YBhg. Datuk Haji Mohd Asna Bin Haji Amin, Ahli Dewan Undangan Negeri, Lenggeng telah hadir merasmikan Majlis Perasmian Kursus Pembangunan *Community Base Tourism* (Pemetaan Budaya) Dun Lenggeng Daerah Seremban 2024. Manakala, Encik Mazalan Bin Maarop, Ahli Majlis MBS, telah hadir untuk merasmikan Majlis Penutupan Kursus tersebut.
51. Pihak lain yang turut hadir di dalam majlis tersebut adalah Encik Faisal bin Abdul Rahman, Timbalan President ICOMOS dari Empire Putra College Sdn. Bhd., Ahli-ahli Majlis MBS, Ketua-ketua Jabatan, dan Ketua-ketua Unit MBS.



52. Kursus ini telah dihadiri seramai 24 orang peserta terdiri daripada Jawatankuasa Pembangunan Dan Keselamatan Kampung DUN Lenggeng. Tujuan kursus ini dilaksanakan adalah untuk menyalurkan limpahan manfaat industri pelancongan ke daerah Seremban, membangunkan produk pelancongan baru (*Experiential Tourism*) yang memberi impak sosial kepada komuniti luar bandar dan daerah-daerah, menjadikan pelancongan sebagai salah satu medium pembangunan komuniti setempat terutamanya bagi golongan belia, dan membangkitkan semangat mencintai serta menghargai produk pelancongan yang terdapat di mukim mereka.

*Sumber : Jab. Pembangunan Masyarakat & Pelancongan*

## **PROGRAM BUBUR LAMBUK MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN BERSAMA BANK RAKYAT 2024**

53. Pada 21 Mac 2024, Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan, MBS telah mengadakan Program Bubur Lambuk Majlis Bandaraya Seremban Bersama Bank Rakyat 2024 di Perkarangan Kediaman Rasmi Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Seremban.

54. Alhamdulillah, sebanyak 1,350 bekas bubur lambuk dapat disediakan dan telah diagihkan pada sesi program kepada peniaga dan pengunjung di dua lokasi Bazar Ramadan iaitu Bazar Ramadan Metropark, Sendayan dan Bazar Ramadan One Avenue, Seremban 2.
  
55. Turut hadir bersama pada program edaran tersebut ialah Ahli-Ahli Majlis MBS, Tuan Setiausaha MBS, Ketua-Ketua Cawangan Bank Rakyat Negeri Sembilan, Ketua-ketua Jabatan/Unit MBS, Pegawai-pegawai MBS dan kakitangan Bank Rakyat. Program ini juga turut diserikan dengan kehadiran YAB. Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.

## **PENUTUP**

Yang Berhormat, YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

56. Memandangkan hanya beberapa hari lagi Umat Islam akan menyambut Hari Raya Aidilfitri, saya meminta warga bandar raya Seremban yang akan pulang ke kampung supaya merancang perjalanan dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan kesesakan di sepanjang perjalanan dan dapat pulang dengan selamat ke kampung halaman. Saya juga mencadangkan agar warga bandar raya yang ingin pulang ke kampung halaman supaya memuat turun aplikasi *Volunteer Smartphone Patrol (VSP)* dan memberitahu pihak polis mengenai ketiadaan tuan puan di rumah. Ini adalah membantu pihak polis untuk membuat rondaan ke rumah semasa musim perayaan.
  
57. Selain daripada itu, saya juga ingin mengingatkan warga bandar raya Seremban supaya menutup suiz elektrik utama dan memastikan bekalan air di tutup bagi mengelakkan litar pintas berlaku.

58. Saya juga meminta Ketua Jabatan dan Ketua Unit memastikan perancangan kerja perlu diatur dengan sebaiknya terutamanya ketika cuti perayaan bagi memastikan perkhidmatan Majlis Bandaraya Seremban tidak terjejas. Saya juga meminta Ketua Jabatan dan Ketua Unit memastikan jalan raya terutamanya di persimpangan jalan berada dalam keadaan bersih, pokok sentiasa di siram dan lampu jalan berfungsi dengan baik.
59. Akhir kata, dikesempatan ini saya mewakili seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seremban ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Suka saya ingatkan supaya kita semua mengamalkan sikap bersederhana dan mengelakkan pembaziran dalam membuat persiapan menyambut Aidilfitri. Semoga Ramadan dan Syawal yang bakal menjelang ini akan mendapat barakah daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN  
27 MAC 2024**

## **TAMBAHAN :**

Saya mendapati beberapa Ahli Majlis tidak dapat hadir pada mesyuarat pagi ini iaitu **En. Hamdan bin Md Nor** yang sedang menunaikan umrah di Mekah. **En. Lee Kai Yet, Puan Telagapathi a/p Marimuthu** dan **En. Krishnan a/l Ramalingam** sedang mempunyai tugas di luar.